

## SIARAN MEDIA

15 Januari 2015  
UNTUK SIARAN SERTA MERTA

### 92 ORGANISASI MENDAPAT AKREDITASI PENSIJILAN ANTARABANGSA DARI CYBERSECURITY MALAYSIA

92 organisasi di Malaysia berjaya memperolehi salah satu dari tiga jenis pensijilan keselamatan maklumat yang berprestij dari CyberSecurity Malaysia, iaitu **Common Criteria ISO/IEC 15408**, **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001** dan **Malaysia Trustmark** untuk e-Perniagaan

**KUALA LUMPUR (15 Januari 2015)** – Sebanyak 92 buah organisasi di Malaysia telah berjaya memperolehi pensijilan keselamatan maklumat dari CyberSecurity Malaysia, sehingga 31 Disember 2014.

CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber nasional di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melakukan pemeriksaan dan pengauditan sebelum mengeluarkan persijilan melalui Badan Pensijilan Keselamatan Maklumat (ISCB) setelah organisasi tersebut didapati mematuhi standard antarabangsa dalam keselamatan maklumat, sama ada ISO/IEC 15408 (**Common Criteria**), ISO/IEC 27001 (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat - **ISMS**), dan juga **Malaysia Trustmark**.

Pengumuman dibuat pada Majlis Penghargaan CyberSecurity Malaysia bagi meraikan pelanggan ISCB yang berjaya memperolehi pensijilan-pensijilan tersebut.

Dalam ucapan perasmian Majlis Penghargaan CyberSecurity Malaysia, YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, “CyberSecurity Malaysia telah memulakan beberapa inisiatif kebangsaan yang penting untuk mengukuhkan piawaian pensijilan Keselamatan Maklumat di Malaysia. Pada tahun 2014, CyberSecurity Malaysia sekali lagi dilantik sebagai Pengerusi World Trustmark Alliance (WTA), sebuah organisasi Pengendali Trustmark sejagat yang dianggotai 37 keahlian dari 30 buah negara di seluruh dunia.”

“Untuk menambah baik taraf dan kelanjutan penilaian keselamatan siber, pensijilan keselamatan maklumat yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia amat penting dalam

memastikan maklumat perniagaan dilindungi secukupnya. Perkhidmatan pensijilan CyberSecurity Malaysia menyokong dua tonggak Program Transformasi Ekonomi, iaitu 'Keselamatan Negara Dan Rakyat' dan 'Pemangkin Pertumbuhan Industri', dengan membina daya pulih pada Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII) dan pada industri," ujar Datuk Ewon Ebin.

Sementara itu, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia pula berkata, "Malaysia berada pada kedudukan ketiga di dunia (bersama-sama Australia dan Oman) dalam kalangan 193 negara ahli Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) sebagai negara yang memberi komitmen yang tertinggi dari segi keselamatan siber, berdasarkan Indeks Keselamatan Siber Sedunia yang dikeluarkan pada bulan Disember 2014 "

"Di rantau Asia Pasifik pula, Malaysia menduduki tangga teratas bersama-sama Australia, dan mendahului semua negara di rantau Asia Tenggara. Kedudukan tertinggi ini membuktikan komitmen CyberSecurity Malaysia yang sangat tinggi dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kesiapsiagaan negara dari segi keselamatan siber."

Malaysia juga merupakan di antara negara yang memperolehi markah tertinggi Indeks Prestasi Teknikal yang menjadi sebahagian daripada Indeks Keselamatan Siber Sedunia 2014, di mana salah satu ukuran prestasi teknikal adalah pelaksanaan Piawaian Antarabangsa. Keputusan tersebut selari dengan majlis bagi menghargai organisasi yang telah melaksanakan Piawaian Antarabangsa dalam organisasi mereka melalui perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia.

"Pada petang ini, kita menjadi saksi bahawa Piawaian Antarabangsa sememangnya dilaksanakan di Malaysia dan hadir bersama kita pada hari ini adalah wakil-wakil dari beberapa organisasi pintar yang akan menerima Sijil Penghargaan di atas kejayaan mereka melaksanakan piawaian keselamatan siber antarabangsa di organisasi masing-masing," kata Tan Sri Azumi. .

Indeks Keselamatan Siber Sedunia memberi pemahaman mengenai penglibatan negara-negara berdaulat dengan keselamatan siber dan mengkaji tahap komitmen berasaskan lima komponen penting keselamatan siber, iaitu undang-undang, teknikal, organisasi, pembinaan keupayaan dan kerjasama.

## **Mengenai Perkhidmatan Persijilan, Audit dan Akreditasi CyberSecurity Malaysia.**

Sehingga kini perkhidmatan persijilan, audit dan akreditasi yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia melalui Badan Pensijilan Keselamatan Maklumat (ISCB) telah memperakui 41 produk ICT di bawah Skim MyCC dan 22 organisasi Prasarana Maklumat Negara Kritikal (CNII) di bawah Skim CSM27001, manakala 29 laman web e-Perniagaan telah disahkan di bawah Perkhidmatan **Malaysia Trustmark**.

CyberSecurity Malaysia dilantik sebagai Ahli Pengeluar Sijil oleh Perjanjian Pengiktirafan **Common Criteria** (CCRA) pada bulan September 2012, yang mengiktiraf CyberSecurity Malaysia sebagai badan yang diakreditasi bagi mengeluarkan Sijil **Common Criteria** ISO/IEC 15408 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

CyberSecurity Malaysia juga menawarkan Skim Audit Dan Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat berasaskan ISO/IEC 27001 (Skim CSM27001), yang ditubuhkan pada bulan Mei 2011 bagi menyokong Dasar Keselamatan Siber Negara (NCSP). Skim ini menawarkan audit keselamatan yang bebas dan melakukan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (**ISMS**) sesebuah organisasi. Pensijilan **ISMS** memberi jaminan bahawa proses perniagaan sesebuah syarikat itu dinilai untuk meningkatkan prestasi sambil mengurangkan kemungkinan adanya risiko terhadap keselamatan.

Perkhidmatan **Malaysia Trustmark** dilancarkan pada bulan Julai 2013 untuk mengaudit dan mengesahkan laman web e-Perniagaan dengan tujuan untuk menggalakkan 'kepercayaan' terhadap e-Perniagaan di Malaysia.

~ Tamat ~

---

**CyberSecurity Malaysia** merupakan sebuah agensi pakar keselamatan siber, di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di <http://www.cybersecurity.my>. Untuk maklumat umum, sila e-mel kepada [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my). Teruskan berhubung dengan kami dengan sosial media [facebook/CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia), [twitter/cybersecuritymy](https://twitter.com/cybersecuritymy), [youtube/cybersecuritymy](https://www.youtube.com/channel/UCybersecuritymy), [Instagram/CyberSecurity\\_Malaysia](https://www.instagram.com/CyberSecurity_Malaysia).

Untuk maklumat lanjut mengenai dokumen ini, sila e-mel: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau hubungi +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext:6978) atau Sandra Isnaji (ext: 6977)